


19 RUMAH DILANDA BANJIR

Oleh: Nurul Atiqah Mohamad Fadzil

GRIK: Sebanyak 19 buah rumah penduduk yang terletak berdekatan sungai ditenggelami air di Kampung Tanjung Kala, Perak pada jam 2.30 pagi tadi berikutan hujan lebat yang berlaku semalam.

Mazidah Ismail, 32, salah seorang ahli keluarga mangsa banjir itu memaklumkan bahawa dia baru mengetahui rumah ibubapanya ditenggelami banjir setelah dihubungi jirannya yang memberitahu bahawa rumah mereka dinaiki air.



Kenderaan dan rumah tenggelam akibat banjir di Kampung Tanjung Kala, Grik

“Saya bergegas dari rumah ke rumah ibubapa saya untuk membantu mereka, namun saya tidak dapat melakukan apa-apa kerana air naik melebihi paras pinggang,” katanya

“Ibubapa saya hanya menyedari rumah dinaiki air apabila air mengenai tubuh mereka. Rumah yang ditenggelami air itu berpunca daripada hujan lebat yang berlarutan dari petang. Hujan lebat itu menyebabkan sungai di hadapan rumah melimpah dan menenggelami rumah dan menyebabkan kerugian lebih RM3,000,” katanya.

Menurutnya, ini bukanlah kali pertama berlaku malah setiap tahun pasti akan berlaku banjir dan ia turut berkait rapat dengan empangan lama yang berada berdekatan dengan rumah.

Mazidah bagaimanapun berharap fenomena banjir itu tidak memudaratkan dan berharap pihak bertanggungjawab memberi perhatian terhadap isu empangan lama di kampung berkenaan.

Sementara itu, Ketua Kampung Tanjung Kala, Zulkifli Saleh, mengakui banjir yang berlaku kali ini adalah banjir yang terburuk.

Beliau menyatakan sumbangan seperti barang keperluan dan barang dapur diberikan kepada mangsa yang terjejas.

Menurutnya, pelbagai usaha dilakukan untuk menangani masalah banjir ini, namun tidak mendatangkan hasil malah fenomena banjir ini berlaku berikutan terdapat empangan lama yang tidak dirobuhkan tetapi masih lagi belum berlaku sebarang tindakan terhadap empangan tersebut.

Dia berharap fenomena banjir itu tidak berulang lagi dan isu itu hanya dapat diselesaikan jika empangan lama tersebut dirobuhkan.